

27/12/2001

Isteri Misuari bimbang keselamatan suami

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Isteri bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), Nur Misuari, berkata beliau bimbang akan keselamatan suaminya yang ditahan pihak berkuasa Malaysia sejak 24 November lalu.

Siti Tarhata Ibrahim turut bimbang Misuari mungkin sudah meninggal dunia ketika dalam tahanan, tuduhan yang disifatkan Wisma Putra sebagai helah untuk dibenarkan bertemu suaminya.

Dalam temu bual bersama Bernama hari ini, Siti Tarhata berkata, kebimbangan beliau itu berasas kerana peguam Misuari sendiri, Elly Pamatong, tidak dibenarkan melawat Misuari yang juga pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF).

"Tiada siapa dibenarkan berjumpa Misuari," katanya dalam wawancara di sebuah hotel tempatan di sini hari ini. Beliau ditemani Pamatong yang mendakwa dirinya dilantik Misuari sebagai peguamnya.

Siti Tarhata tiba di sini bersama tiga anaknya dari Filipina semalam melalui Singapura dengan harapan dapat bertemu suaminya dan menegaskan akan berada di sini sehingga kerajaan Malaysia memberi kebenaran itu.

"Saya datang ke sini bersama anak-anak saya agar saya dapat berjumpa suami saya," kata Siti Tarhata, 27. Anaknya, Nur Redha, 7, Khalid, 4, dan Nur Hata yang berusia sembilan bulan, turut ada bersamanya ketika temu bual itu.

Katanya, beliau akan menimbang untuk tinggal di Amerika Syarikat seperti dinasihatkan peguam suaminya.

Agensi berita AFP pula memetik Siti Tarhata sebagai berkata, beliau bimbang suaminya itu mungkin sudah meninggal dunia ketika dalam tahanan pihak berkuasa Malaysia.

"Boleh jadi dia sudah meninggal dunia. Sebab itulah mereka tidak membenarkan sesiapa pun bertemu," katanya dalam wawancara berasingan dengan AFP di sebuah hotel, di sini.

Sementara itu, seorang pegawai kanan Wisma Putra, ketika dihubungi Berita Harian tengah hari ini menyifatkan dakwaan Siti Taharta sebagai satu helah supaya pihak berkuasa negara membenarkan beliau menemui suaminya.

Pegawai kanan itu yang enggan namanya disiarkan berkata, helah sedemikian selalu digunakan saudara mara tahanan seperti Misuari.

"Kita sudah masak dengan taktik itu," katanya yang enggan mengulas lanjut mengenai kedudukan Misuari.

Bekas gabenor yang berpaling tadah itu ditahan pada 24 November lalu di Pulau Jampiras dekat Sandakan bersama-sama enam penyokongnya kerana memasuki Malaysia secara haram. Mereka melarikan diri ke situ selepas melancarkan pemberontakan terhadap kerajaan di Selatan Filipina.

Malaysia menyatakan kesediaan menghantar balik Misuari manakala kerajaan Filipina menegaskan beliau akan menghadapi tuduhan memberontak, jenayah yang membawa hukuman penjara 20 tahun jika sabit kesalahan.

Pamatong memberitahu Bernama bahawa Misuari tidak akan mendapat perbicaraan yang adil jika beliau dihantar pulang ke Filipina, dan beliau merayu kepada negara-negara Islam agar campur tangan.

"Saya merayu kepada dunia Islam supaya tampil membantu saudara sesama Islam," katanya.

Beliau berkata Misuari, diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai seorang pendamai di Mindanao, bukannya seorang penganas seperti didakwa oleh kerajaan Filipina.

"Ada perbezaan yang jelas antara seorang pengganas dan seorang pejuang kebebasan," katanya dan menurut beliau seorang pengganas tidak mungkin memperolehi status pemerhati tetap dalam badan antarabangsa seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Pamatong juga berkata, beliau masih belum menerima sebarang kebenaran atau pelawaan rasmi daripada kerajaan Malaysia untuk berjumpa Misuari.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyatakan bahawa kerajaan akan menimbangkan permohonan untuk membenarkan keluarga Misuari melawatnya di dalam tahanan.

Pamatong, ketika dihubungi petang ini, mengulangi gesaan supaya Malaysia memberikan suaka politik kepada Misuari serta membenarkan wakil PBB menemui bekas pemimpin itu.

Katanya, Malaysia dan Indonesia juga tidak seharusnya membuat keputusan sendiri untuk menyerahkan Misuari kepada kerajaan Filipina, sebaliknya merujuk kepada OIC yang terbabit sama dalam perdamaian di selatan Filipina.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak melayan permohonan suaka politik Misuari kerana dasar negara tidak memberikan perlindungan kepada mereka yang terbabit dalam keganasan.

(END)